



**MENTERI SUMBER MANUSIA
KENYATAAN MEDIA**

**MENTERI SUMBER MANUSIA SAMPAIKAN FAEDAH SKSSR PERKESO
KEPADА WARIS TIGA SURI RUMAH**

1. Pertama sekali, saya mengucapkan takziah kepada keluarga pencarum Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) di Negeri Sembilan atas pemergian ibu dan isteri tercinta. Pada hari ini, saya telah berkesempatan menemui mereka dan menyerahkan faedah **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**.
2. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada PERKESO, agensi Kementerian Sumber Manusia, yang telah mengambil tindakan segera mengesan waris kepada pencarum SKSSR ini. Tindakan proaktif ini telah membolehkan mereka menerima bantuan hanya lebih sebulan skim ini dikuat kuasakan pada **1 Disember 2022**.
3. SKSSR yang dilaksanakan bawah **Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 (Akta 838)** bertujuan untuk memberi perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah terhadap bencana domestik, keilatan ataupun kematian sewaktu menguruskan rumah tangga.
4. Demi menjaga kebijakan golongan suri rumah terutamanya daripada golongan rentan, Kerajaan telah memperuntukkan **RM20 juta untuk menaja caruman SKSSR kepada 150,000 orang suri rumah yang berdaftar dengan e-Kasih dan mencarum di bawah i-Suri KWSP**. Perlindungan SKSSR kepada mereka bermula pada 1 Disember 2022.
5. Susulan inisiatif Kerajaan itu, PERKESO telah menjalankan rujuk silang data **135,357** penerima e-Kasih yang mencarum dgn i-Suri dengan data daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Hasil daripada proses tersebut, PERKESO mendapati seramai **37 orang suri rumah** yang dilindungi SKSSR telah meninggal dunia dalam tempoh **1 Disember 2022 hingga 11 Januari 2023**. Ini sekali gus melayakkan waris kepada suri rumah terbabit menerima manfaat SKSSR.
6. Saya bersyukur kerana hari ini, saya dapat menyantuni waris kepada empat (4) daripada Suri Rumah Berinsurans (SRB) tersebut di Negeri Sembilan. Tiga daripada mereka, yang merupakan **ibu tunggal** semasa hayatnya, adalah **Allahyarhamah Zainab Mamat** yang meninggal dunia pada 5 Disember 2022,

Allahyarhamah Noraseyah Abu Hassan yang meninggal dunia pada 14 Disember 2022, dan **Mendiang Anjalai Mariyappan** yang meninggal dunia pada 25 Disember 2022. Seorang lagi, **Allahyarhamah Aniza Muhamad Zin** telah meninggal dunia pada 5 Januari tahun ini.

7. Di bawah Akta 838, waris kepada SRB yang meninggal dunia layak menerima **Faedah Pengurusan Mayat (FPM)** sebanyak RM2,000 manakala bayaran berkala **Pencen Penakat** sebanyak maksimum RM300 sebulan disediakan mengikut kelayakan syer orang tanggungan.
8. FPM dan Pencen Penakat adalah faedah yang disediakan di bawah **SKSSR** apabila berlaku kematian. Faedah ini dibayar kepada orang tanggungan seperti duda dan anak-anak yang layak apabila SRB **meninggal dunia sebelum mencécah usia 55 tahun**.
9. Adalah menjadi harapan saya agar faedah yang disediakan oleh PERKESO menerusi SKSSR ini sedikit sebanyak dapat meringankan bebanan yang ditanggung oleh keluarga yang ditinggalkan pencarum. Skim ini mengiktiraf peranan suri rumah dalam melaksanakan kerja-kerja pengurusan rumah tangga yang selama ini mungkin tidak dilihat sebagai satu sumbangan kepada pembangunan institusi keluarga dan negara.
10. Sehubungan itu, saya berharap lebih ramai suri rumah tampil mencarum dengan SKSSR kerana kita dapat lihat sendiri manfaat yang disediakan, sama ada untuk suri rumah yang ditimpa musibah ataupun waris yang ditinggalkan mereka. Saya juga menyeru para suami untuk mencarum bagi pihak isteri mereka demi menghargai jasa dan pengorbanan suri rumah.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
SEREMBAN
16 JANUARI 2023**